

# KECUAIAN DAN PENENTUAN LIABILITI DALAM KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT UNDANG- UNDANG ISLAM

SITI ZUBAIDAH ISMAIL<sup>1</sup>

## Abstract

*This article elaborates the position of negligence as a factor in causing road accidents. The focus is on Islamic law and how the liability of parties is determined. The determination of liability depends on how the accident occurs. Whether it is within or beyond a driver's control, Islamic law has the explanation for both. In the case of road accidents, negligence can be established if the duty of care is breached. Vehicle speed is something within the control of a driver. Failure to obey the speed limit amounts to a breach of duty on the road and is considered as negligence.*

## PENDAHULUAN

Pada zaman moden ini, perkembangan ekonomi dan sosial banyak bergantung kepada kemudahan pengangkutan. Isu kemalangan jalan raya (*al-istidam fi al-tariq*) dan implikasinya sama ada dari segi perundangan atau sebagainya sering menarik perhatian umum, kerana ia berkaitan dengan 'kos' seperti kehilangan nyawa, kecederaan serta kerosakan harta-benda. Justeru, demi keadilan dan kepentingan umum, undang-undang digubal antaranya untuk mengawal tingkahlaku dan etika pemanduan, menentukan liabiliti pihak-pihak yang terbabit dalam sesuatu kemalangan serta menentukan jumlah denda bagi kesalahan-kesalahan lalulintas. Dalam mengemukakan perbincangan mengenai kemalangan jalan raya pada masa kini, sumber rujukan mengenai penggunaan binatang sebagai kenderaan akan digunakan. Ini kerana perbincangan dalam kitab fiqh mengenai kenderaan adalah berasaskan penggunaan binatang sebagai alat pengangkutan pada masa lampau. Ini dapat difahami kerana pada zaman dahulu, belum ada sebarang kenderaan bermotor atau yang berteknologi digunakan. Justeru, sebarang hukum mengenai penggunaan kenderaan boleh diqiyaskan kepada binatang. Walaubagaimanapun, skop perbincangan di sini hanya dikhususkan kepada kemalangan jalan raya yang berlaku akibat kecuaihan *per se*, tanpa melibatkan perbincangan mengenai kemalangan yang disengajakan atau dirancang.

1 Siti Zubaidah Ismail adalah pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## MAKSUD KECUAIAN DI JALAN RAYA

Dalam konteks perbincangan artikel ini, terma kecuaiian di jalan raya merujuk kepada perlakuan serta tindak-tanduk pemandu dalam mengendalikan kenderaan yang dipandunya semasa di jalan raya yang mengabaikan sikap berhati-hati serta langkah-langkah keselamatan. Kecuaiian dianggap melanggar hak dan kewajipan yang perlu dilaksanakannya sehingga mengakibatkan kemudaratan yang merangkumi kerosakan harta benda, kehilangan nyawa dan kecederaan fizikal pihak yang tidak bersalah. Justeru, seseorang pemandu yang tidak mematuhi etika dan peraturan jalan raya boleh dianggap sebagai orang yang cuai dalam mengendalikan kenderaannya. Persoalan sama ada kenderaan itu binatang atau kenderaan bermotor, bukanlah satu isu kerana pemandu adalah agen yang mengawal dan mengenderainya mengikut cara yang dikehendaki. Antara sikap cuai yang kerap dikaitkan sebagai punca kemalangan ialah memandu dengan laju, berlumba di jalan raya, tidak mematuhi lampu isyarat, meletak kenderaan secara sesuka hati, la'lai, atau gopoh, atau cuai dalam mengenal pasti kesilapan teknikal sebelum pemanduan dilakukan dan banyak lagi. Malah berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya pada tahun 2003, sikap pemandu yang tidak berhemah ini adalah penyebab utama berlaku kemalangan jalan raya di negara ini iaitu 94 peratus daripada kesemua punca kemalangan yang berlaku.<sup>2</sup>

## ETIKA, HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNAAN JALAN RAYA

Etika merupakan asas utama dalam segenap tindakan manusia. Tindakan yang tidak beretika bermaksud melanggar peraturan (sama ada norma-norma agama, masyarakat atau undang-undang) yang dibuat untuk menjaga kepentingan awam. Penggunaan jalan raya dengan berkenderaan juga tertakluk kepada etikanya yang tersendiri. Kenderaan memudahkan pergerakan manusia dari satu tempat ke tempat yang lain. Dengannya, manusia boleh pergi ke pelbagai tempat untuk pelbagai tujuan. Sememangnya Allah s.w.t sendiri menjelaskan bahawa muka bumi adalah tempat untuk diterokai:

*Maksudnya: Dan Allah telah menjadikan bumi untukmu sebagai hamparan supaya kamu menjelajahi atau meneroka jalan-jalan yang luas di bumi itu.*

(Surah Nuh (71): 19-20)

Pada prinsipnya, orang ramai berhak menggunakan jalan raya sama

2 Lihat "Cuai punca utama kemalangan" Berita Harian, 10 Disember 2003. Lihat juga analisis tentang pelaku dan mangsa kemalangan jalan raya dalam Harun Mahmud Hashim, 1995, "Motor Vehicle Accident Claims – The Case for No-Fault Liability", *The Third Tun Hussein Onn Memorial Lecture*. Kuala Lumpur: Kuok Foundation Bhd. 5-16.

ada dengan berkenderaan atau berjalan kaki. Perkara 932 *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah (Majallah)* memperuntukkan:

Setiap orang mempunyai hak untuk bergerak di jalan raya bersama dengan binatangnya.

Jalan raya adalah hak bersama yang dimiliki oleh setiap anggota masyarakat dan boleh digunakan untuk lalu-lalang sama ada secara bersendirian atau bersama binatang (kenderaan)nya. Islam memandang jalan raya sebagai satu kemudahan awam yang berfungsi membawa manusia ke destinasi yang dituju dengan cepat dan selamat. Justeru, jalan raya mempunyai hak-haknya (*huquq al-tariq*) serta peraturan yang tersendiri yang mesti dipatuhi oleh penggunaanya agar kepentingan dan fungsi jalan raya tidak direncatkan oleh sebarang bentuk penyalahgunaan, pelanggaran hak dan peraturan serta lain-lain lagi. Nabi Muhammad s.a.w sendiri mengambil berat tentang peranan jalan raya dan mengingatkan tentang bentuk-bentuk penyalahgunaan terhadapnya. Hal ini tertera dalam sabda Baginda seperti berikut:<sup>3</sup>

Maksudnya: *Dari Abu Said al-Khudri bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda: Jauhilah daripada duduk di jalan-jalan raya. Lalu mereka berkata: Wahai Rasulullah, kami tidak berbuat apa-apa sekadar duduk dan berbual-bual di sana. Kemudian Baginda berkata: Jika kamu tidak berbuat apa-apa melainkan duduk-duduk sahaja, maka tunaikanlah hak-hak jalan raya. Mereka bertanya: apakah hak-hak jalan raya itu, lalu Baginda berkata: Menundukkan pandangan, menghilangkan benda bahaya, menjawab salam, menyuruh kepada kebaikan serta melarang perkara-perkara mungkar.*

Hadith di atas menunjukkan bahawa, di samping menekankan hak-hak jalan raya, Baginda juga telah meletakkan etika sosial di jalan raya awam yang melibatkan antaranya tanggungjawab moral seperti menundukkan pandangan dan hubungan dengan pengguna-pengguna lain seperti memberi salam, menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran serta menghilangkan benda-benda yang menyakitkan. Tanggungjawab sosial seperti membuang benda-benda yang menghalang serta membahayakan lalulintas seperti dahan pokok tumbang, batu besar dan sebagainya merupakan tindakan yang mulia. Nabi Muhammad s.a.w amat menggalakkan usaha sedemikian dan menganggapnya sebagai sedekah. Hal ini dapat difahami menerusi hadith Baginda s.a.w yang tertera di bawah ini:<sup>4</sup>

Maksudnya: *Membuang kesusahan dari jalan adalah sedekah.*

3 Al-Bukhari. t.t. *Sahih al-Bukhari bi Hashiyah al-Sindi, Kitab al-Isti'dhan*. j.4. t.tp: Matba'ah Dar Ihyay' al-Kutub al-'Arabiyyah, 86; al-Shawkani. t.t. *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhhbar*. j.5. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath. 314

4 Al-Bukhari. *ibid. Kitab al-Mazalim*. j.3. h.103

## PRINSIP ISLAM MENGENAI SIKAP BERHATI-HATI (*AL-TAHARRUZ*)

### Konsep Berhati-hati

Setiap manusia bertanggungjawab untuk berhati-hati dalam segenap tindak-tanduknya bagi mengelak kecelakaan berlaku terhadap orang lain, sama ada secara sengaja atau tidak, atau secara langsung atau menerusi perantaraan. Hal ini jelas berdasarkan keterangan dalam sebuah hadith yang signifikan mengenai soal tersebut, iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri, Ibn Abbas dan 'Ubadah ibn Samit bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda iaitu:<sup>5</sup>

Maksudnya: *Janganlah memudaratkan dan saling memudaratkan.*

Ibn Manzur menjelaskan perbezaan di antara kedua-dua perkataan di atas iaitu *darar* dan *dirar*. *La darar* bermaksud seseorang tidak wajar memudaratkan saudaranya yang lain. Lawan bagi perkataan *darar* di sini ialah manfaat. *La dirar* pula merujuk kepada makna dua orang tidak boleh saling memudaratkan.<sup>6</sup> Hadith ini menjadi asas perundangan kepada larangan mengganggu-gugat kepentingan dan kedamaian orang lain. Larangan dalam hadith di atas membawa makna perbuatan memudaratkan atau menyusahkan orang lain adalah haram. Begitu juga dengan perbuatan berbalas-balas mengenakan kemudaratan terhadap orang lain juga dilarang sama sekali. Perbuatan mudarat boleh jadi dalam bentuk verbal, seperti mengumpat, memfitnah, memberi saksi palsu atau perbuatan sama ada positif seperti mencederakan atau negatif seperti menarik diri dari memberikan kesaksian, tidak memberi makan dan sebagainya. Pencabulan hak manusia terhadap harta dan dirinya adalah sesuatu yang ditegah sepertimana yang boleh difahami dari hadith Nabi s.a.w ketika Baginda bersabda pada Haji Wida' yang menegaskan hal ini yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah s.w.t telah mengharamkan ke atas kamu darah, harta dan maruah kamu, seperti haramnya hari ini dalam bulan ini dan dalam negeri ini".<sup>7</sup> Bersesuaian dengan konsep ini, Nabi Muhammad s.a.w sendiri telah meletakkan asas terhadap sikap berhati-hati dan mengelakkan *darar* daripada berlaku terhadap orang lain. Berpandukan kepada hadith ini juga lahir beberapa kaedah fiqh yang berkaitan dengan etika atau sikap berhati-hati, antaranya ialah:

- (1) *Al-Darar yuzal* iaitu kerosakan wajib dihapuskan,
- (2) *Al-Darar yudfa' bi qadr al-imkan* iaitu kerosakan mesti dielakkan setakat yang mampu,

5 Ibn Majah. 2000. *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi*. j.3. Beirut: Dar al- Ma'rifah. hadith nombor 2340, 106.

6 Ibn Manzur. *Lisan al-Arab*. j.2. 153 "darra".

7 Al-Bukhari (t.t). *Sahih al-Bukhari bi Hashiyah al-Sindi*. j.2. Bab al-Khutbah Ayyam al-Mina. Damsyik: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah. 300

(3) *Al-Darar al-ashadd yuzal bi al-darar al-akhaff* iaitu kerosakan yang lebih berat terhapus oleh kerosakan yang lebih ringan.

Sehubungan dengan itu juga, Nabi Muhammad s.a.w telah mengingatkan umatnya tentang sikap berhati-hati agar tidak menjejaskan kepentingan orang lain. Hal ini dapat difahami menerusi keterangan dalam hadith di bawah:

Maksudnya: *Setiap orang Islam haram terhadap darah, harta dan maruah orang Islam yang lain.*<sup>8</sup>

Terdapat juga beberapa hadith lain yang mana Baginda memberikan ingatan agar berhati-hati dalam apa jua tindakan. Antaranya seperti yang tertera dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Musa iaitu:

Maksudnya: *Barang siapa daripada kamu yang pergi menghadiri satu majlis atau ke pasar dengan anak panah di tangannya, maka hendaklah dia memegang bahagian hujung yang tajam itu dengan genggam tangan.*<sup>9</sup>

Terdapat juga sebuah hadith daripada Abu Musa yang meriwayatkan tentang peristiwa satu kebakaran di rumah seorang penduduk Madinah pada waktu malam. Peristiwa itu telah disampaikan kepada Baginda s.a.w. lalu Baginda menasihati orang yang berada di sekelilingnya pada masa itu agar berhati-hati dengan api:

Maksudnya: *Sesungguhnya api ini adalah musuh kamu, maka sebelum kamu masuk tidur, padamkanlah ia.*<sup>11</sup>

Hadith-hadith di atas menunjukkan keprihatinan Baginda s.a.w tentang sifat berhati-hati yang patut ada pada setiap orang Islam dalam muamalah harian mereka. Para fuqaha' juga tidak ketinggalan menyebut mengenainya. Dalam konteks di jalanraya, al-Sarakhsi dan al-Kasani misalnya telah menjelaskan seperti yang bermaksud berikut:

*Adalah menjadi hak bagi segenap individu untuk menggunakan jalan raya dan hak bersama ini boleh diguna pakai oleh semua orang dengan syarat mengutamakan keselamatan. Ini kerana hak itu boleh dilaksanakan oleh semua pihak dan menjauhi kemudaratan daripada menimpa orang lain adalah wajib.*<sup>12</sup>

8 Ahmad Muhammad al-Zarqa. 1989. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam. 179, 199, 207. Lihat juga Ali Ahmad al-Nadwi. 1991. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam. 252

9 'Abd al-'Azim ibn 'Abd al-Qawi al-Mundhiri. 1977. *Mukhtasar Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktab al-Islami. j.2. hadith no.1775, 233

10 Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri. 1981. *Sahih Muslim bi Sharh Al-Nawawi*. j.16. Beirut: Dar al-Fikr. 169

11 Al-Mundhiri. *op.cit.* j.2. hadith no.1442, 139

12 al-Sarakhsi. 2001. *al-Mabsut*. j.13. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 188; al-Kasani. 1998. *Bada'i' al-Sana'ii fi Tartib al-Shara'i'*. j.10. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. 4707

Berhati-hati dalam menggunakan jalan raya atau mengutamakan keselamatan (*al-salamah*) seperti yang disebut oleh al-Sarakhsi di atas, bermakna menggunakan kemudahan jalan raya untuk tujuan lalu-lintas dengan cara yang sepatutnya dengan mengambil kira keadaan kedua-dua belah jalan raya. Penggunaan jalan raya secara tidak wajar seperti menjadikannya tempat berlumba atau menonton perlumbaan haram dianggap satu perbuatan yang menyalahgunakan fungsi jalan raya. Hal ini diistilahkan sebagai *ta'addi* iaitu perbuatan melampau yang tidak harus atau tidak dibenarkan oleh Syarak. Dalam pada itu, kurang berhati-hati sehingga berlaku kemalangan menjadi faktor penentu kewujudan liabiliti sekiranya seseorang tidak berusaha mengelak daripada berlaku sesuatu kemalangan dalam keadaan yang boleh dijangka akan berlaku sesuatu kemalangan. Al-Kasani menerangkan bahawa sikap berhati-hati itu merupakan syarat utama menggunakan jalan raya di mana pengguna perlu menitikberatkan aspek keselamatan diri dan juga pengguna lain.<sup>13</sup> Pendapat ini disepakati oleh fuqaha' mazhab Hanafi lain seperti al-Marghinani, Ibn 'Abidin dan Ibn Nujaym serta juga fuqaha' mazhab Shafi'i.<sup>14</sup> Sebarang perbuatan yang melanggar peraturan sehingga menyebabkan kemalangan, pergeseran dan sebagainya, tidak dibenarkan. Sebarang kerosakan yang berlaku akibat pelanggaran atau kemalangan mestilah dibayar ganti rugi.<sup>15</sup> Di samping itu, al-Sarakhsi menjelaskan lagi bahawa kewajipan berhati-hati itu hanya tertakluk kepada keadaan yang mampu dijaga (*ma yumkin al-taharruz*) dan dijangka<sup>16</sup>. *Taharruz* atau *ihtiraz* merupakan satu konsep yang merujuk kepada keadaan di mana sesuatu kerosakan boleh dijangka sebagai boleh berlaku akibat ketiadaan sikap berhati-hati itu. Misalnya sebelum memulakan pemanduan, pemandu perlu memastikan yang kenderaannya berada dalam keadaan yang baik dan sesuai untuk digunakan di jalan raya. Sebagai pemandu yang berhemah dan bermoral tinggi, seseorang itu perlu mematuhi semua peraturan jalan raya seperti mematuhi had laju, memandu dengan berhati-hati, hemat dan cermat, mematuhi peraturan lalu-lintas, tidak menjadi pembuli jalanraya dan lain-lain lagi demi menjaga keselamatan awam serta kepentingan pengguna jalanraya yang lain.

Dalam konteks parkir kenderaan pula, prinsip yang sama iaitu mementingkan keselamatan juga hendaklah diguna pakai. Ini bermakna, kenderaan perlu diletakkan di tempat yang sesuai yang telah disediakan dan bukannya diletakkan sesuka hati. Liabiliti wujud jika kenderaan diletakkan di tempat yang salah serta mengakibatkan musibah. Dalam satu hadith riwayat al-Nu'man ibn Bashir, Rasulullah s.a.w bersabda:

13 al-Kasani. *ibid.* 272

14 Lihat Al-Marghinani. t.t. *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'*. j.4. Maktabah al-Islamiyyah. 197-8

15 Al-Kasani. *op.cit.*; 'Ala' al-Din al-Samarqandi. 1993. *Tuhfah al-Fuqaha'*. j.3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 123

16 *ibid.*

Maksudnya: *Sesiapa yang memberhentikan binatang kenderaannya di tengah jalan atau di tepi kedai lalu merosakkan sesuatu dengan kaki hadapan atau kaki belakang, maka dia (yakni pengendera) bertanggung.*<sup>17</sup>

Asas kepada liabiliti ini ialah kerana kecuaiian dalam mematuhi peraturan lalu-lintas iaitu meletakkan binatang di tempat yang tidak sepatutnya. Jalan raya bukanlah tempat untuk meletak binatang, sebaliknya ia adalah tempat laluan. Jika binatang (baca: kenderaan) itu mencederakan seseorang, sudah tentu ganti rugi boleh dikenakan ke atas pemilikinya mengikut sistem *diyāt*.<sup>18</sup> Kesemua keadaan ini adalah perkara yang boleh dikawal oleh pemandu yang rasional dan waras. Perkara 926 *Majallah* memperuntukkan perkara berkenaan iaitu seperti berikut:

Setiap orang yang mempunyai hak untuk bergerak di jalan raya tertakluk kepada syarat keselamatan, bermakna dia terikat untuk tidak melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna lain, dalam keadaan yang dia boleh berjaga-jaga.

Liabiliti boleh dikenakan kerana pesalah tadi melampaui hak yang diberikan kepadanya dalam menggunakan jalan raya. Ini dikira sebagai *ta'assuf* (penyalahgunaan hak) kepada sesuatu hak yang harus di sisi Syarak.<sup>19</sup>

## **PENYEBAB SEBAGAI ASAS PENGENAAN LIABILITI TERHADAP PIHAK-PIHAK YANG CUI DI JALAN RAYA**

Pada amnya, konsep penyebab (*tasabbub*) merupakan asas kepada pengenaan liabiliti kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan. Penentuan liabiliti adalah berasaskan kepada sebab yang berlaku sehingga menghasilkan musibah (*fault-based liability*). Penyebab (*mutasabbib*) harus dipersalahkan jika berlaku kemalangan. Ini kerana kemalangan tidak akan berlaku tanpa kecuaiian atau salah lakunya dalam mengendalikan kenderaan. Pemandu menjadi penyebab kepada kesan kemalangan yang berlaku sama ada kematian, kecederaan atau kerosakan harta. Kematian dan kecederaan akibat kemalangan pula tidak boleh dilihat sebagai satu kesalahan yang boleh dikaitkan dengan pembunuhan atau kesalahan mencederakan secara sengaja atau seakan-akan sengaja, sebaliknya ia adalah satu kesan daripada satu perbuatan yang tidak disengajakan atau tanpa niat.

Menerusi pendekatan hukum jenayah Islam secara umum dan kategori niat secara khusus, kecuaiian juga dikira sebagai satu bentuk perlakuan jenayah sama ada terhadap nyawa, tubuh badan, maruah atau harta dan ia terletak di bawah tajuk *al-jinayah bi al-tasabbub*. Memandangkan prinsip penentuan hukum Islam lebih menekankan soal

17 Al-Shawkani. *op.cit.* 324

18 Ibn Farhun. 1995. *Tabsirah al-Hukkam*. Beirut: Dar al-Ilmiyyah. 251

19 Ahmad Fathi al-Durayni. 1998. *Nazariyyah al-Ta'assuf fi Isti'mal al-Haqq fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. 12-22

niat pelaku dalam menentukan liabiliti yang bakal dikenakan, maka adalah penting – dalam konteks pembuktian - untuk dipastikan sama ada seseorang telah melakukan sesuatu perbuatan secara sengaja, tidak sengaja, tersilap, cuai atau sebagainya. Implikasinya ialah walaupun kesan perbuatannya sama, namun hukumannya adalah berbeza. Dalam konteks penentuan elemen mental, kecuaiian bukan suatu hal yang wujud sebagaimana sengaja dan separa sengaja. Jika sengaja adalah merujuk kepada hasrat yang diimpikan dan ditunjukkan melalui pelaksanaan, kecuaiian pula ialah kegagalan untuk mengambil langkah berhati-hati atau satu tinggalkan terhadap sesuatu yang mana pelakunya berkewajipan melakukannya agar tidak menghasilkan sebarang kerosakan. Justeru, hukumannya tidak sama dengan hukuman sengaja walaupun kesan perbuatannya adalah serupa.

Perbuatan menyebabkan kerosakan juga bererti melakukan sesuatu perkara yang membawa kepada kecederaan atau kerosakan dan penentuan liabiliti dibuat berasaskan kepada tiga elemen berikut: pertama, wujudnya elemen *ta'addi*; kedua, ada kaitan sebab di antara perbuatan dan akibat dan ketiga, rangkaian penyebab itu tidak diputuskan oleh perkara lain yang boleh mengalih liabiliti pelaku kepada unsur lain. Contoh yang sering diberikan oleh para ulama ialah apabila seseorang menggali lubang atau telaga di tanah milik orang lain tanpa izin tuannya, dan seorang telah terjatuh ke dalamnya lalu mati atau cedera, maka orang yang menggali tadi perlu bertanggungjawab kerana kewujudan lubang itu telah menyebabkan berlaku kecederaan. Hal tersebut berbeza jika perbuatan itu dilakukan dengan kebenaran atau arahan pihak berkuasa dan mangsa terjatuh ke dalamnya. Dalam kes ini, pihak yang menggali lubang tersebut tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana tindakannya menggali lubang itu adalah dengan arahan pihak berkuasa. Hal ini selaras dengan satu kaedah fiqh yang menyebut: *al-jawaz al-shar'i yunafi al-daman* yang bermaksud: sesuatu keharusan di sisi Syarak menafikan liabiliti<sup>20</sup> dan turut dijelaskan oleh Perkara 91 *Majallah* iaitu "keharusan yang diberikan oleh Syarak menafikan tanggungan untuk membayar pampasan." Dengan demikian, pihak yang menggali lubang wajar mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan lubang itu telah ditutup atau dipagar demi mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diingini.

Dalam membincangkan bentuk liabiliti yang boleh dikenakan ke atas penyebab kemalangan, fokus diberikan kepada kategori kemalangan sepertimana yang dibincangkan di bawah ini.

### KATEGORI KEMALANGAN JALAN RAYA

Untuk menentukan sejauhmana liabiliti pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan, senario semasa perlu dianalisis berdasarkan kepada dua

20 Al-Zarqa. *ibid.* 34



kategori kemalangan, pertama, kemalangan yang berlaku dalam keadaan ia mampu dielakkan dan kedua, kemalangan yang berlaku di luar kawalan pemandu atau pengguna jalan raya. Dalam kebanyakan kes-kes kemalangan jalan raya yang berlaku, didapati sebahagian besar kemalangan termasuk di bawah kategori yang pertama iaitu, kemalangan yang boleh dicegah. Hal ini sebenarnya ada kaitan dengan faktor sikap manusia sendiri. Faktor manusia pula boleh dilihat daripada dua dimensi, pertama, keadaan pemandu semasa memandu misalnya memandu dalam keadaan mengantuk, mabuk, gopoh-gapah di jalan sempit, hilang sabar kerana keadaan jalan yang tidak elok dan sebagainya. Dimensi kedua pula ialah dari segi perlakuan dan sikap pemandu yang kerap melanggar peraturan jalan raya seperti melebihi had laju, melanggar lampu merah, kesalahan letak kenderaan dan sebagainya. Kesemua faktor yang diterangkan di atas dikategorikan sebagai kecuaiian pemandu yang akhirnya menyebabkan berlakunya kemalangan. Pemandu mungkin sengaja melanggar peraturan-peraturan jalan raya tetapi tidak sengaja menyebabkan kesan-kesannya. Kesan daripada kemalangan ialah berlakunya kecederaan, kehilangan nyawa, kerosakan material dan sebagainya. Namun realitinya, pemandulah yang menyebabkan berlakunya kematian atau kecederaan menerusi medium kemalangan yang terjadi atas faktor kecuaiian seperti yang disebutkan di atas. Kecuaiian semata-mata belum cukup untuk menjadi asas dikenakan liabiliti tanpa adanya kemudaratan yang dihasilkan.

### 1. Kemalangan Yang Boleh Dielakkan

Penggunaan binatang peliharaan sebagai alat pengangkutan adalah senario biasa pada zaman sebelum kenderaan bermotor diperkenalkan. Binatang bukan sahaja berfungsi sebagai kenderaan yang ditunggang, malah menjadi pengangkut barang-barang dan pengembala di lading seperti kuda, unta, keldai dan kambing. Dalam konteks penggunaan binatang sebagai kenderaan, terdapat tiga cara pengendaliannya, iaitu seperti berikut:

- i. Secara menarik dan *qa'id* ialah penarik yang berjalan di hadapan binatang,
- ii. Secara memandu pergerakannya dan *sa'iq* ialah orang yang berada di belakang binatang dan memandunya dan
- iii. Secara tunggangan dan *rakib* ialah penunggang.

Pengawal-seliaan *rakib* terhadap binatang merangkumi anggota binatang yang mampu mereka kawal seperti mulut dan kepala (di hadapan) dan kaki hadapan, bagi *sa'iq* ialah terhadap pergerakan tangan dan kaki manakala bagi *qa'id* pula ialah terhadap kaki hadapan sahaja. Kalangan fuqaha' sepakat berpendapat bahawa ketiga-ketiga mereka ini

dipertanggungjawabkan terhadap pergerakan anggota-anggota yang dikawal oleh mereka sahaja. Jika binatang tersebut melakukan sesuatu sehingga menyebabkan kerosakan misalnya menggigit pejalan kaki sehingga berlaku kecederaan atau kematian, maka penunggangnya akan dipertanggungjawabkan kerana mulut dan kaki hadapan boleh dikawal.<sup>21</sup> Perkara 1674 *Majma' al-Damanat* menyebut bahawa penunggang binatang bertanggungjawab membayar ganti rugi terhadap apa yang dirosakkan oleh binatang tunggangannya, tidak kira ia disebabkan oleh kaki hadapan, kaki belakang atau kepala, atau, dengan cara menggigit, merempuh ataupun melanggar.

Pengendalian aksesori kuda seperti pelana dan ladam juga termasuk dalam kawalan pemilikinya. Jika ladam kaki kuda tertanggal dan jatuh serta mencederakan pejalan kaki lain, maka pemilik tersebut boleh dipertanggungjawabkan. Pemandu tadi berkewajipan memastikan yang pemasangan ladam kuda tersebut kemas dan kuat agar ia tidak terjatuh. Sekiranya ladam tersebut terjatuh, sudah tentu ladam boleh mengakibatkan kecederaan kepada orang lain atau harta bendanya. Kegagalan memastikan kesempurnaan pemakaian ladam atau sebagainya bermakna pemilikinya mengabaikan keselamatan pengguna lain semasa menggunakan jalan raya awam.<sup>22</sup>

Dalam konteks masa kini di mana semua kenderaan yang terdapat di jalan raya adalah terdiri daripada kenderaan bermotor atau menggunakan tenaga solar, pemandu, sama ada pemilik ataupun penyewa kenderaan tersebut, adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kenderaan yang mereka pandu atau tunggang di jalan raya. Contoh-contoh insiden atau kemalangan yang boleh dikawal dapat dijelaskan dengan membuat analogi dengan situasi kawalan pada binatang. Contoh perkara yang boleh dikawal oleh pemandu ialah pergerakan stereng, kelajuan, kesihatan dan kelayakan pemandu, keadaan kenderaan, cara meletak kenderaan dan sebagainya. Pemandu yang sengaja memandu secara gopoh atau membuta-tuli atau memandu dalam keadaan mabuk, melebihi had laju yang ditetapkan boleh dianggap cuai, kerana semua perkara tersebut boleh dikawal. Beberapa contoh insiden dipaparkan sepertimana di bawah ini:

- i. Kemalangan yang berlaku kepada pengguna jalan raya yang berhenti. Jika seseorang sedang berhenti di tepi jalan raya (tempat berhenti), kemudian dilanggar oleh sebuah kereta yang datang dengan laju, lalu

21 Namun terdapat juga keadaan-keadaan di mana liabiliti mereka sama banyak. Untuk penjelasan lanjut kedudukan mereka bertiga dan pembahagian liabiliti, lihat al-Sarakhsi, *op.cit.*, 188; al-Baghdadi, *op.cit.*, 172; al-Zuhayli, *op.cit.*, 370-372; Ibn'Abidin, *op.cit.*, 275-279. Penulis merasakan perincian mengenai perkara ini tidak perlu dibuat dalam teks perbincangan memandangkan ia kurang relevan untuk situasi sekarang.

22 Al-Marghinani. *op.cit.* 200; al-Sarakhsi. *op.cit.* 189

23 Perkataan '*aqilah*' berasal dari perkataan '*aqala*' yang bermakna ikatan atau tahanan. Kata terbitan '*aqi*' pula bererti '*diyat*' yang dibayar untuk mengelak dari berlakunya pertumpahan darah, di mana ia dibayar kepada keluarga mangsa sama ada akibat pembunuhan atau kecederaan. *Aqilah* ialah satu kumpulan orang yang membayar *diyat*

menyebabkan kematian kepada kedua-duanya, Imam al-Nawawi menegaskan bahawa orang yang melanggar itu tidak diberikan sebarang *diyāt* (*hadar*), sebaliknya '*aqilah*'<sup>23</sup> pelanggar yang wajib membayar *diyāt* kepada mangsa yang dilanggar. Imam al-Nawawi juga menjelaskan bahawa hukuman sedemikian terpakai sekiranya mangsa yang berhenti di tepi jalan itu, tidak menyumbang kepada kemalangan dengan berhenti di tempat yang salah. Jika terbukti wujud elemen kecuaiian sertaan di pihak mangsa, misalnya mangsa memberhentikan kereta bukan di tempat berhenti yang sepatutnya, maka *diyāt*nya juga terhapus.<sup>24</sup>

- ii. Kemalangan di antara dua pemandu dari arah hadapan. Dalam pelanggaran yang melibatkan dua orang pemandu dan kedua-duanya meninggal dunia, para fuqaha mengatakan bahawa kedua-duanya bertanggungjawab di atas kematian masing-masing jika mereka sengaja berbuat demikian.<sup>25</sup>
- iii. Kemalangan dari belakang. Jika seorang pemandu dilanggar daripada belakang dan kedua-duanya meninggal dunia, *diyāt* bagi mangsa yang dilanggar perlu dibayar oleh '*aqilah*' pemandu yang melanggar daripada belakang kerana dia yang menjadi punca kepada kematian pemandu di hadapan.<sup>26</sup>

Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa kegagalan untuk mengambil langkah berhati-hati dalam mana-mana situasi yang mampu dikawal dianggap sebagai satu kecuaiian dan inilah yang menjadi asas kepada liabiliti pihak terbabit.

## 2. Kemalangan Di Luar Kawalan

Tidak dinafikan kadang-kala kemalangan atau insiden yang tidak diingini berkemungkinan juga berlaku dalam keadaan pemandu kenderaan memandu secara berhemah dan berhati-hati di jalan raya yang baik. Insiden-insiden tidak diduga seperti tayar meletup, tali brek putus, brek tidak berfungsi, penjajaran tayar yang tidak sempurna, kegagalan

---

(*al-jama'ah al-'aqilah*) untuk menutup mulut keluarga mangsa daripada merungut dan mencanangkan kezaliman yang berlaku. Dari segi amalan masyarakat Arab, *'aqil* merujuk kepada sekumpulan unta yang dibawa, dikumpul dan dikurung dalam kawasan wali mangsa pembunuhan. Ini adalah satu tawaran atau bayaran untuk memuaskan hati pihak keluarga mangsa demi mengelak berlaku permusuhan di antara kaum keluarga mangsa dan pelaku jenayah itu. Lihat *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi Lughah al-Fuqaha*, Virginia: IIIT s.v. "*aqilah*"; Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, s.v. "*aqilah*" dan Muhammad Rawwas Qal'aji & Hamid Sadiq Qunaybi (1988), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, Beirut: Dar al-Nafa'is, s.v. "*aqilah*".

24 Al-Nawawi. t.t. *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. j.20. Jeddah: Maktabah al-Irshad. 440. Lihat juga al-Marghinani. *Ibid.* 199; al-Shirazi. *op.cit.* j.2. 75

25 Al-Sarakhsi. *op.cit.* 191; Ibn 'Abidin. *op.cit.* 605; al-Marghinani. *op.cit.* al-Nawawi. *op.cit.*; al-Shafi'i. *op.cit.*; al-Shirazi. *ibid.*

26 Ibn 'Abidin. *op.cit.* 605

mengawal kenderaan di jalan raya yang licin dan sebagainya boleh juga menjadi faktor berlakunya kemalangan.

Insiden-insiden kemalangan luar kawalan yang melibatkan binatang sebagai kenderaan telah dibincangkan oleh para fuqaha' yang melibatkan binatang sebagai kenderaan. Antara contoh insiden yang boleh berlaku ialah:

- i. Jika berlaku apa-apa kerosakan kepada harta benda akibat pergerakan kaki belakang binatang itu yang menendang sama ada orang atau barang, ataupun ekornya melibas dan mencederakan orang, maka penunggangnya tidak dipertanggungjawabkan atas kerosakan atau kecederaan tersebut kerana kedua-dua anggota binatang itu terletak di belakang dan tidak mampu dikawal oleh penunggangnya.<sup>27</sup>
- ii. Terdapat juga kejadian di mana binatang menghentakkan kaki semasa berjalan di atas jalan raya sehingga menyebabkan batu-batu kecil melayang atau percikan debu terkena pengguna jalan raya lain. Dalam hal sebegini, satu kaedah fiqh menyebut seperti berikut: *ma la yumkin al-ihthiraz 'anh la daman fih* iaitu apa yang tidak mungkin dikawal, tidak dikenakan ganti rugi. Justeru, penunggangnya tidak dipertanggungjawabkan kerana ia adalah sesuatu yang tidak dapat dikawal dan situasi ini berbeza sekiranya batu tersebut besar dan ketara boleh dielakkan daripada dipijak.<sup>28</sup>
- iii. Para fuqaha' sepakat mengatakan bahawa jika sesuatu kemalangan di antara dua buah kapal laut berlaku tanpa disengajakan dan mengakibatkan kematian pihak-pihak penumpang atau kelasi kapal kedua-dua pihak iaitu pihak yang melanggar dan yang kena langgar, maka 'aqilah pengendali kapal-kapal bertanggungjawab membayar separuh *diyāt* untuk setiap mangsa secara *mukhaffafah*. Jika perbuatan itu disengajakan, pembahagian unta adalah secara *mughallazah*.<sup>29</sup> Kejadian pertembungan dua buah kapal yang tidak disengajakan ini diistilahkan sebagai *khata' mahd* iaitu kesilapan yang tidak dapat dielakkan (*inevitable accident*).<sup>30</sup>

Asas penentuan hukum bagi kemalangan yang berlaku di luar kawalan pemandu atau pengguna jalan raya ialah berdasarkan kepada hadith Nabi Muhammad s.a.w yang diriwayatkan oleh 'Uthman ibn Abi Shaybah yang

27 Ibn Qudamah (1972), *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, j.10, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 360; al-Sarakhsi, *op.cit.*, 189

28 Al-Kasani. *op.cit.*; al-Baghdadi. *op.cit.* Perkara 1674. Ibn 'Abidin. 1994. *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, j.10. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 274. al-Shirazi. *op.cit.* 253

29 *Mukhaffafah* merujuk kepada pembahagian unta kepada lima kategori, manakala *mughallazah* pula unta tiga kategori. Namun terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha' berkenaan pembahagian kategori ini. Lihat lebih lanjut antara lain dalam Al-Shaybani. 1986. *Kitab al-Diyat*. Kuwait: Dar al-Arqam

30 Al-Ramli. 1993. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, j.7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 362; al-Nawawi. 2000. *Minhaj al-Talibin*, j.3. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah. 165-166

diterima daripada Abu Hurairah r.a daripada Muhammad ibn Yazid daripada Sufyan bin Hussayn daripada al-Zuhri daripada Sa'id ibn al-Musayyib, iaitu:

*Kaki tidak dikenakan apa-apa.*<sup>31</sup>

Al-Shawkani menjelaskan bahawa justifikasinya ialah kerana kaki belakang tidak dapat dikawal oleh penunggang yang mana mata dan kepalanya tertumpu hanya kepada kawalan anggota hadapan.<sup>32</sup> Perkara 932 *Majallah* menjelaskan seperti berikut:

... [s]eseorang yang menunggang binatangnya atau keretanya di atas jalan raya, tidak bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan (kecederaan) yang timbul yang tidak dapat dikawalinya.

Hal yang sama juga disebut dalam Perkara 937:

Sekiranya seekor kuda tidak dapat dikekang mulutnya dan penunggang tidak dapat memegang kepalanya lantas kuda itu melakukan kerosakan, maka penunggangnya tidak akan bertanggungjawab.

Antara contoh yang dikemukakan dalam Perkara 932 *Majallah* ialah, pemilik binatang tidak bertanggungjawab sekiranya pakaian seseorang dikotori oleh debu atau lumpur dari kaki binatangnya, atau binatang itu mendatangkan bahaya dengan menendang dengan kaki belakangnya atau mengibas dengan ekornya. Tetapi orang yang menunggang binatang itu bertanggungjawab sekiranya bahaya atau kerosakan yang disebabkan oleh binatang itu (melanggari atau menendang dengan kaki hadapan atau menanduk dengan kepala) kerana ini semua boleh dikawal.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa kecuaiian merupakan satu faktor yang penting dalam mencorakkan hukum dalam isu kemalangan jalan raya yang dibincangkan. Kecuaiian boleh menjadi faktor penyebab, manakala kewujudan elemen berjaga-jaga pula menjadi penentu kepada pengecualian liabiliti. Didapati bahawa, selagimana kesemua pihak mengamalkan sikap berhati-hati dan tidak melampaui garisan yang dibenarkan, maka ia tidak akan dinamakan sebagai kecuaiian. Kecuaiian hanya wujud jika kewajipan berjaga-jaga itu dilanggar atau diabaikan. Dalam mengenakan liabiliti, ujian penentuannya ialah sama ada berlaku pelanggaran kewajipan berjaga-jaga ataupun tidak serta wujud hubungan penyebab di antara sebab dan kesan.

31 Al-Shawkani. *op.cit.* 324; *Sunan Abi Dawud*. Kitab al-Diyat. 714-715. Lihat juga al-Shaybani. 1986. *Kitab al-Diyat*. Kuwait: Dar al-Arqam. 82-83

32 Al-Shawkani. *op.cit.* 324

## BIBLIOGRAFI

- Abu al-Baqa'.1992. *Al-Kulliyat fi al-Mustalahat wa al-Furuq al-Lughawiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sharbini al-Khatib.t.t. *al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Shuja'*, j,2, Kaherah: Dar al-Fikr. t.p. 1958. *Mughni al-Muhtaj*, j,3, Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Baghdadi. 1999. *Majma' al-Damanat*, Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Farhun al-Maliki.1995. *Tabzirah al-Hukkam*, j,1, Beirut: Dar al-Ilmiyyah.
- Wahbah al-Zuhayli.1998. *Nazariyyah al-Daman aw Ahkam al-Mas'uliyah al-Madaniyyah wa al-Jina'iyah fi al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Mustapha al-Khin, Mustapha al-Bugha & Ali al-Sharbaji.1989. *al-Fiqh al-Manhaji*, j,6, Damsyik: Dar al-'Ulum al-Insaniyyah.
- Abdul Razak Ahmad al-Sanhuri.1952. *al-Wasit fi Sharh al-Qanun al-Madani al-Jadid* Kaherah: Dar al-Nashr.
- Harith Suleiman Faruqi.1997. *Faruqi's Law Dictionary*, Beirut: Librairie Du Liban.
- Harun Mahmud Hashim.1995. "Motor Vehicle Accident Claims – The Case for No-Fault Liability", *The Third Tun Hussein Onn Memorial Lecture*, Kuala Lumpur: Kuok Foundation Bhd.
- Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari.t.t. *Sahih al-Bukhari bi Hashiyah al-Sindi*, j,4, t.t.p: Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Shawkani.t.t. *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar*, j,5, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Ibn Majah.2000. *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi*, j,3, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad Muhammad al-Zarqa.1989. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ali Ahmad al-Nadwi.1991. *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- 'Abd al-'Azim ibn Abd al-Qawi al-Mundhiri.1977. *Mukhtasar Sahih Muslim*.j.2. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri.1981. *Sahih Muslim bi Sharh Al-Nawawi*, j,16, Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Bakar ibn Mas'ud al-Kasani.1998. *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*, j,10, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Nujaym.t.t. *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*, j,8, Pakistan: Maktabah Rashidiyyah.
- 'Ala' al-Din al-Samarqandi.1993. *Tuhfah al-Fuqaha'*, j,3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Fathi al-Durayni.1998. *Nazariyyah al-Ta'assuf fi Isti'mal al-Haqq fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Marghinani. t.t. *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'*, j,4, Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi.t.t. *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*, j,20, Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Ibn Qudamah.1972. *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, j,10, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Abidin.1994. *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*,j,10, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ramli.1993. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, j,7, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi.2000. *Minhaj al-Talibin*, j,3, Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Shaybani.1986. *Kitab al-Diyat*, Kuwait: Dar al-Arqam.
- Mahmud Shaltut (1980), *al-Islam 'Aqidah wa Shari'ah*, Kaherah: Dar al-Shuruq.